

MPUPK Platform Utama Bincang Program Pembangunan PMKS

KUALA LUMPUR – Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan (MPUPK) dibentuk sebagai platform utama membincangkan program dan inisiatif pembangunan usahawan dan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) selari dengan aspirasi Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030).

Mesyuarat MPUPK Bilangan 1 Tahun 2023 itu dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Wilayah dan Desa, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Bangunan Parlimen, di sini, semalam.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Ewon Benedick berkata, mesyuarat MPUPK pertama yang diadakan selepas pembentukan Kerajaan Perpaduan itu membincangkan pelbagai perkara penting mengenai pembangunan keusahawanan di negara ini.

Ewon berkata, bagi memastikan agenda pembangunan usahawan yang inklusif, KUSKOP telah memperkenalkan program-program baharu seperti Skim Pembiayaan Usahawan Tamu dengan peruntukan RM5 juta di bawah TEKUN Nasional dan memperuntukkan RM3 juta di bawah Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) di bawah SME Corp. khusus untuk usahawan-usahawan di negeri Sabah dan Sarawak.

Selain itu katanya, mesyuarat turut membincangkan mengenai perancangan pelaksanaan program-program usahawan PMKS pada tahun 2023 oleh kementerian-kementerian lain serta kerajaan-kerajaan negeri berdasarkan pelaporan di bawah Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) oleh SME Corp.

Ewon berkata, pelaksanaan program dan inisiatif di bawah Belanjawan 2023 oleh semua Kementerian dan Agensi juga diberi perhatian serius dan haruslah berorientasikan hasil.

Beliau berkata, bagi mengelak pertindihan atau redundancy usahawan-usahawan yang menerima bantuan Kerajaan, mesyuarat bersetuju agar KUSKOP dan Kementerian Ekonomi melalui DOSM menyelaraskan pangkalan data usahawan yang lebih menyeluruh bagi memastikan lebih ramai usahawan dapat dibantu secara bersasar serta berstruktur oleh Kerajaan.

Selain itu, katanya mesyuarat juga bersetuju agar **DOSM** bekerjasama dengan Kerajaan Sarawak dan Sabah membekalkan statistik PMKS yang terperinci bagi perancangan program yang lebih berkesan.

Dalam hal ini katanya, KUSKOP akan melaksanakan kajian semula DKN 2030 bermula tahun hadapan untuk mengenalpasti hala tuju sektor keusahawanan negara dengan mengambil kira ekosistem keusahawanan yang dinamik dan memerlukan sektor tersebut mengadaptasi kepada pembaharuan yang berlaku di dalam dan luar negara.

<https://sabahnews.com.my/mpupk-platform-utama-bincang-program-pembangunan-pmks/>